

Antologi Drama Pentas Anjung Apresiasi 2006

# KERANA SOGIT



**PENYELENGGARA**  
**NORJANAH YUSOF**

84B26294

ANTOLOGI SKRIP DRAMA PENTAS

ANJUNG APRESIASI 2006

# **Kerana Sogit**

ANTOLOGI SKRIP DRAMA PENTAS

ANJUNG APRESIASI 2006

# Kerana Sogit

Kerana Sogit



**SAB00026294**

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Penyelenggara  
Norjanah Yusof

PERPUSTAKAAN DBP Cawangan, Sabah.	
No. Kelas:	
No. Perolehan: SAB 0751/09	
Tarikh: 24/1/09	T.T. H P

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sabah  
2008

Buku *Antologi Skrip Drama Pentas Anjung Apresiasi 2006 Kerana Sogit* ini diusahakan penerbitannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah. Skrip drama pentas yang terkandung dalam antologi ini merupakan karya yang telah dipentaskan sepanjang tahun 2006 sebagai pengisian kegiatan Anjung Apresiasi, iaitu kegiatan bulanan anjuran DBP Cawangan Sabah.

Cetakan Pertama 2008

© Dewan Bahasa dan Pustaka

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

Muka huruf teks: Garamond 12/13.5 pt

Reka letak teks oleh Abdul Nassir Said

Reka bentuk kulit oleh Logiman J. Gamad

Dicetak oleh

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah,

Jalan Sulaman, Teluk Likas,

88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel.: 088-439260

Faks: 088-439318

# Kandungan

*Kata Pengantar ... vi*

*Kerana Sogit ... 1*

*Kubur ... 29*

*Impian Orang-orang Kecil ... 83*

*Nyamuk ... 127*

*Penjual Pisang di Kaki Lima ... 151*

*Anugerah ... 171*

*Kan Kubunuh Cinta ... 197*

*Puteri Sumping Selasih ... 217*

*Kerja Gila ... 249*

*Paman II ... 277*

*Keranda 199 ... 301*

# Kata Pengantar

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya penerbitan Antologi *Kerana Sogit* ini telah terlaksana. Antologi Skrip Drama Pentas ini merupakan drama yang telah dipentaskan sebagai pengisian kegiatan Anjung Apresiasi pada tahun 2006, iaitu kegiatan bulanan yang telah dianjurkan oleh DBP Cawangan Sabah.

Kegiatan sepanjang tahun 2006 ini telah menghasilkan sebelas buah pementasan daripada penggiat teater di seluruh negeri Sabah. Kegiatan Anjung Apresiasi merupakan gelanggang bagi penggiat teater sama ada penulis skrip, pelakon, pereka set, dan sebagainya untuk mengasah bakat dalam bidang teater. Di samping itu, kegiatan ini juga merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan apresiasi sastera dalam kalangan anggota masyarakat khususnya dalam penghasilan skrip drama pentas. Karya-karya skrip penulis tempatan ini juga telah dapat

menggambarkan dan menyetengahkan ciri-ciri budaya tempatan hasil daripada pengadaptasian dan pemerhatian kehidupan suku kaum yang terdapat di Sabah. Penonjolan ciri-ciri budaya ini akhirnya dapat mengangkat negeri di Bawah Bayu sebagai sebuah negeri yang kaya dengan unsur-unsur tersebut, dan boleh diketengahkan dalam bidang pelancongan.

Penggalakan kegiatan seperti ini diharapkan akan dapat meningkatkan mutu karya skrip drama pentas, dan seterusnya dapat memancing perhatian generasi muda kita untuk turut bersama-sama melibatkan diri dalam bidang ini.

Wassalam

**Zubaidi Abas**

Pengarah, DBP Cawangan Sabah

## Babak I

(Tirai pentas dibuka. Lampu suram. Kedengaran bunyi Telutuk. Beberapa orang mengisi ruang pentas sambil bermain Tangunggak. Lagu tradisional dilagukan menunjukkan upacara peminangan dilangsungkan).

*Pios-pios langkatung,  
Abuyun ra kokoton,  
Hio kokoton muno,  
Susungkur pinatanduk,  
Pinatanduk ra sunsui,  
Sunsui ria kawali.  
Montol-montol ko sunsui,  
Maruruk ra'an muno,  
Soropon nu kusionik,  
Kusionik linumangoh,  
Linumangoh ra bilin,  
Bilin ri alie andoi,  
Rakulindangon rayusoi-usoi.*

(Pentas terang. TOK KETUA bergerak mundur-mundur seolah-olah ingin memperkatakan sesuatu kepada tetamu yang hadir).

TOK KETUA: *Kaansayan ku ra pahaka-pahaka  
ku kawi. Akau nakasuku londom hitu. Muoi*



*pantamung ra ralaa ingalan no ie Sogit anak ri Babarah ilo ri Taming. Ramayo takau no patunangan ilo tu!*

(Wahai semua penduduk kampung, malam ini merupakan hari pertunangan anak aku Taming dengan Sogit anak Babarah. Untuk itu, kita teruskan majlis bagi meraikan pertunangan mereka).

*(Bunyi paluan gong, tarian tradisional ditarikan menunjukkan ada pesta keramaian. Semua yang hadir meraiikannya bersama-sama. Kelihatan ALANG dan dua rakannya tidak senang melihat suasana itu. Jelas terpancar kegembiraan SOGIT dan TAMING. Lampu perlahan-lahan suram).*

## **Babak II**

### **Adegan 1**

*(Pentas terang. Kedengaran bunyi cengkerik dan unggas. Kelihatan ALANG, LELAKI 1 dan LELAKI 2).*

ALANG: Aku tidak puas hati dengan pertunangan antara Taming dengan Sogit. Selama ini aku yang banyak berjasa dengan Mak Sogit, kenapa pula begitu mudah dia menerima dan bersetuju

Sogit ditunangkan dengan Taming?

LELAKI 1: Memang benar kata kau tu, Alang. Kami juga tahu yang kau banyak menabur bakti dengan Mak Sogit, Si Babarah tu.

LELAKI 2: Betul tu, sepatutnya kau yang lebih layak dan berhak memiliki Sogit.

LELAKI 1: Tapi, kau jangan lupa Alang, Taming tu kan berpendidikan!

ALANG: Mentang-mentanglah dia tu berpengaruh dan berpendidikan, dia ingat boleh buat apa saja yang dia suka?

LELAKI 2: Tapi Alang, bukankah Sogit dan Taming tu memang sudah lama bercinta.

ALANG: Itu aku tahu. Lagipun mereka baru bercinta saja. Sedangkan yang sudah menjadi isteri orang pun boleh dirampas kalau kita mahu.

LELAKI 1: Maksud kau Alang?

ALANG: Hah! Caranya mudah saja. Kamu berdua mari sini!

*(LELAKI 1 & 2 mendekati ALANG. ALANG membisikkan sesuatu kepada mereka berdua. ketiga-tiga mereka ketawa).*

LELAKI 1: Tapi Alang, perkara yang mahu